



Kenderaan Ciptaan UPM Naib Juara EIMA Race



Pelajar tahun 3 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan, UPM, Azlan Bin Hapip memandu kereta XERON.

Pasir Salak, 25 Julai – Pasukan UPM terdiri daripada staf dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan muncul Naib Juara UTM-Educational Innovation of Motorsport & Automotive Race '09 (EIMA RACE '09) di sini baru-baru ini.

Pertandingan yang berlangsung di Litar Dato' Sagor itu bertemakan Innovation menyaksikan UPM membawa pulang hadiah bernilai RM2 ribu melalui ciptaan kenderaan bernama Xeron yang menggunakan enjin 130cc.

Pasukan UPM terdiri daripada 6 penyarah, 5 staf teknikal dan 22 pelajar telah mencipta kenderaan yang bernilai RM20,000 sejak 6 minggu lalu di Makmal Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan.

Ketua Pasukan, Dr Mohd Khairul Anuar b. Mohd Ariffin dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan berkata kemenangan itu tidak bergantung kepada keputusan perlumbaan tetapi menilai persembahan, rekabentuk, ujian brek dan faktor keselamatan sesebuah kenderaan.

"Ketelitian dan perincian menghasilkan penentu ukuran yang tepat membantu menjana kemenangan ini. Mereka telah membuat penambahbaikan konsep daripada model ciptaan pelajar yang pernah menyertai pertandingan sama sebelumnya," katanya.

Sebanyak 12 pasukan dari IPTA, IPTS, Politeknik, IKM dan institusi penyelidikan dari seluruh negara telah menyertai pertandingan yang diadili oleh wakil dari syarikat Modenas, Sirim dan Yamaha.



Pelajar Kejuruteraan, UPM, Azlan Bin Hapip bergambar bersama Ketua Jabatan, Prof. Ir. Mohd Sapuan Bin Salit dan rakan sepasukan.

Berita asal oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan, UPM dan disunting oleh Seksyen Media BKK.